

Perbezaan *Qiraat Mutawatirah* dan Aplikasinya dalam Ayat-Ayat Munakahat

Siti Fatimah Salleh
Mohd Zulkifli Muda

Abstrak

Qiraat al-Mutawatirah ialah kepelbagaian bentuk bacaan al-Quran dan perselisihannya berdasarkan imam yang meriwayatkan bentuk bacaan tersebut. Kesan daripada kepelbagaian itu memberi perbezaan pada makna sesuatu kalimah dan hukum sesuatu ayat. Artikel ini membincangkan tentang implikasi *Qiraat al-Mutawatirah* dalam ayat-ayat munakahat yang berkaitan dengan sesuatu hukum seperti masalah jimak, khulu', penyusuan, pemberian mut'ah atau sugu hati, mewarisi perempuan, larangan menyakiti dan menyusahkan isteri, tuntutan supaya isteri memelihara kehormatan, larangan kepada isteri mempamerkan perhiasan diri dan tuntutan supaya isteri berada di rumah. Metodologi yang digunakan ialah kajian perpustakaan dengan merujuk kitab qiraat, tafsir, lughah, hadis dan fiqh. Dapatan kajian ini mendapati kepelbagaian bacaan dalam ayat-ayat munakahat memberi lebih daripada satu makna yang mendatangkan perbezaan pada hukum sesuatu ayat dan ada yang berbentuk menjelaskan dan menguatkan kehendak sesuatu hukum dalam ayat tersebut.

Kata Kunci: *Qiraat mutawatirah*; Munakahat

Abstract

Qiraat al-Mutawatirah is knowledge on Quranic recitations and the disagreements among the reciters narrated the form of recitations. The variation in the recitation will convey different meanings and hukm. Thus this paper discusses the implications of *qiraat al-Mutawatirah* on matrimony, such as problems relating to sexual intercourse, khulu', breastfeeding, or the consolation of divorce, inheritance of women, prohibition of causing harm and inconvenience to his wife, claims to preserve the honor of the wife and the prohibition from displaying herself to the public. The methodology includes review of the books of qiraat, commentary, lughah, hadith and fiqh. Among the findings of this research it can be seen, that the variability in the quranic recitation leads to multiple meanings and consequences hukm, while in some

other instances it strengthens and explains the hukm in the form of munakahat.

Keywords: Qiraat Mutawatirah; Munakahat

Pendahuluan

Al-Quran merupakan kalam Allah s.w.t. yang dibukukan dalam satu mashaf dan Allah s.w.t. sendiri mengawasi keasliannya daripada sebarang penyelewengan. Namun begitu, wujud kepelbagaian bacaan yang membawa kepada pentakwilan hukum yang berbeza di kalangan para ulama. Artikel ini membincangkan tentang makna ayat-ayat munakahat dari sudut kepelbagaian bentuk bacaan atau *qiraat* sama ada ia memberi makna yang berbeza atau sebagai pelengkap antara satu sama lain dalam penentuan hukum.

Selain itu, perbincangan turut menyentuh tentang ayat-ayat munakahat yang mempunyai perbezaan hukum hasil daripada perbezaan bacaan di sisi ulama *qiraat*. Kajian Muhammad *al-Habsh* (1999) menunjukkan terdapat beberapa masalah daripada ayat-ayat munakahat yang mempunyai perbezaan makna yang memberi implikasi kepada penentuan hukum. Perbincangan difokuskan kepada lapan ayat munakahat yang mengandungi sembilan masalah iaitu jimak, *khulu'*, penyusuan, pemberian mut'ah atau sagu hati, mewarisi (mengahwini) perempuan, larangan menyakiti dan menyusahkan isteri, tuntutan supaya isteri memelihara kehormatan, larangan kepada isteri mempamerkan perhiasan diri dan yang terakhir ialah tuntutan supaya isteri berada di rumah.

Konsep Qiraat

Qiraat pada bahasa berasal daripada kata mufrad (qa.ra.'a) yang bererti bacaan (Al-Fairuz et al 2004, 1380). Ulama' qiraat memberi takrif dari sudut istilah dengan pelbagai takrif. Kebanyakan pengarang kitab-kitab qiraat (al-Fadly 1980, 55; al-Sindi 2001, 16; Sha'ban 2001, 23; Amani 2007, 43) memilih takrif yang dinyatakan oleh Imam Ibn al-Jazari iaitu qiraat ialah suatu ilmu yang membicarakan tentang pelaksanaan (bacaan) kalimah-kalimah al-Quran dan perbezaannya (qiraat tersebut) disandarkan kepada orang yang menaqalkannya (imam-imam qiraat) (Ibn al-Jazari 1999, 9).

Perbincangan ilmu qiraat berkisar antara dua perkara (Sha'ban 2001, 23) iaitu yang pertama, cara melaksanakan bacaan kalimah-kalimah al-Quran, sama ada pelaksanaan tersebut pada perkara-perkara (bacaan) yang disepakati atau menjadi perbezaan di kalangan orang-orang yang menaqalkannya. Yang kedua pula adalah proses pemindahan bacaan yang sah dari imam-imam qiraat (sanad qiraat), yang mana mereka telah bertalaqqi bacaan ini dengan sanad yang sah hingga kepada Rasulullah s.a.w..

Qiraat mutawatirah yang telah dinyatakan dalam karya ilmu qiraat seperti kitab *al-Madkhal Ila 'Ilm al-Qiraat* dan *Safahat fi 'Ulum al-Qiraat* adalah seperti berikut:

Ia adalah bacaan yang telah diriwayatkan atau diambil oleh sekumpulan dari kumpulan yang lain yang mana mustahil bagi kumpulan-kumpulan tersebut

melakukan pendustaan dari awal sanad (iaitu pengambilan pertama) hingga ke akhir sanad.

(al-Sindi 2001, 51; Sha'ban 2000, 55)

Mengikut pendapat yang sahih (Sha'ban 2000, 55) sesebuah kumpulan tersebut tidak ditentukan kepada bilangan tertentu untuk dikira bagi mencapai tahap mutawatir. Ini kerana terdapat beberapa pendapat yang menentukan bilangan kumpulan tersebut untuk mencapai tahap mutawatir. Antara pendapat-pendapat tersebut, ada yang menetapkan enam, 12, 20, 40 dan 70 orang, tetapi ada juga yang menetapkan lebih daripada 300 orang. Namun pendapat yang *rajih* tidak menetapkan jumlah setiap kumpulan tersebut.

Oleh yang demikian, qiraat dari *toriq al-Shatibi* dan Ibn al-Jazari diiktiraf sebagai qiraat mutawatirah kerana ia merangkumi ciri-ciri yang disebutkan di atas, sebagaimana definisi mutawatirah oleh Mohd Rahim, (200, 60), Mutawatirah diambil atau diterima secara beramai-ramai daripada Rasulullah dan tidak mungkin berlakunya pendustaan hingga ke hari ini, seperti qiraat yang terdapat dalam *toriq al-Shatibi* dan *toriq al-Jazari*.

Ulama qiraat bersepakat bahawa qiraat tujuh adalah qiraat mutawatirah. Tetapi para ulama berbeza pandangan mengenai tiga qiraat yang selebihnya iaitu Abu Ja'far, Ya'qub dan Khalaf. Ketiga-tiga qiraat tersebut dikatakan tidak sampai kepada tahap mutawatir, namun kerana kemasyhuran dan sah sanadnya maka ia diterima oleh imam-imam qiraat. Pendapat ini tidak dipersetujui oleh kebanyakan ulama qiraat kerana ketiga-tiga qiraat tersebut mempunyai syarat-syarat *mutawatir*. Ini kerana ketiga-tiga qiraat tersebut mempunyai beberapa kekuatannya iaitu:

1. Imam Abu Ja'afar adalah guru kepada imam Nafi' al-Madani walaupun qiraat Nafi' lebih terkenal daripada qiraat Abu Ja'afar.
2. Qiraat Abu 'Amru dikira sebagai asal qiraat Ya'qub.
3. Imam Khalaf bin Hisyam al-Bazzar seorang murid Imam Hamzah yang meriwayatkan qiraat Hamzah.

Setelah diteliti daripada kenyataan-kenyataan yang dinyatakan itu, jelaslah bahawa qiraat sepuluh semuanya adalah mutawatirah yang tidak ditentukan kepada tujuh sahaja (Sha'ban 2001, 72)

Syarat-syarat Penerimaan Sesuatu Qiraat Mutawatirah

Qiraat al-Mutawatirah mempunyai syarat-syarat tertentu yang telah disepakati oleh ulama. Pembahagian qiraat secara keseluruhannya tidak terkeluar daripada tiga syarat yang menjadi piawai sama ada qiraat itu diterima atau tidak. Menurut (al-Habsh 1999, 70; al-Qattan 1996, 176) syarat-syarat tersebut bertepatan dengan salah satu kaedah bahasa Arab (nahu), bertepatan dengan penulisan mashaf-mashaf 'Uthmani dan qiraat tersebut sahih sanadnya.

Syarat pertama tidak termasuk kaedah yang *shaz* (ganjil) dalam ilmu nahu yang telah disepakati oleh para ulama bidang tersebut. Syarat yang kedua, bacaan qiraat tersebut mesti terdapat dalam salah satu mashaf 'Uthmani kerana para sahabat berjihad dalam menulis mashaf 'Uthmani mengikut pengetahuan mereka mengenai bahasa sesuatu qiraat. Mengikut pendapat yang sahih (al-Qadi 1994, 26), bilangan mashaf 'Uthmani adalah enam buah, satu naskhah berada

pada Sayyidina ‘Uthman (dinamakan naskhah *Madani al-Khas*) manakala yang lain diberi kepada negeri Madinah (dinamakan naskhah *Madani al-Am*), Basrah, Kufah, Sham dan Mekah. Syarat yang ketiga pula merupakan rukun yang wajib dalam syarat mutawatir. Oleh itu kekuatan sesuatu qiraat rujukannya adalah sanad bukan kepada pendapat. Apabila hilang salah satu syarat atau kesemua syarat daripada syarat-syarat tersebut maka qiraat tersebut tidak dikira sebagai mutawatir yang mana haram dibaca dengannya dan mempercayai ia sebahagian dari al-Quran (al-Habsh 1999, 70).

Imam-Imam Qiraat Sepuluh

Qiraat merupakan satu nama yang diletakkan kepada seseorang imam yang menaqqalkan bacaan tersebut. Pengenalan tentang imam-imam secara ringkasnya adalah seperti yang disebut oleh al-Qadi (1970, 5-46).

1. Imam Nafi’ ialah Abu Ruwaim Nafi’ bin ‘Abd al-Rahman bin Abi Na’im al-Laithi. Beliau mempunyai dua orang periwayat bacaannya yang masyhur iaitu Qalun dan Warsh.
2. Imam Ibn Kathir ialah ‘Abdullah bin Kathir al-Makki. Dua periwayat yang terkenal dalam meriwayatkan bacaannya ialah al-Bazzi dan al-Qunbul.
3. Imam Abu ‘Amru terkenal dengan gelaran Abu ‘Amr Ibn al-‘Ala’. Namanya ialah Zabban bin al-‘Ala’ bin ‘Ammar al-Mazini al-Basri. Dua orang periwayat yang terkenal dalam meriwayatkan bacaannya ialah al-Duri dan al-Susi.
4. Imam Ibn ‘Amir atau nama sebenarnya ialah ‘Abdullah bin ‘Amir al-Yahsabi. Antara periwayat bacaannya yang masyhur ialah Hisham dan Ibn Zakwan.
5. Imam ‘Asim atau nama sebenarnya ‘Asim bin Abi al-Najud dan dikatakan juga Ibn Bahdalah. Beliau mempunyai dua orang periwayat yang masyhur yang juga merupakan murid-muridnya iaitu Shu’bah dan Hafs.
6. Imam Hamzah atau nama sebenarnya adalah Hamzah bin Habib bin ‘Ammarah al-Zayyat. Dua periwayat yang terkenal dalam meriwayatkan bacaan beliau ialah Khalaf dan Khallad.
7. Imam Kisaei atau nama sebenarnya ialah ‘Ali bin Hamzah yang juga merupakan seorang ahli nahu Mazhab Kufi iaitu salah satu mazhab dalam bidang nahu. Dua periwayat terkenal dalam meriwayatkan bacaan beliau ialah Abu al-Harith dan al-Duri telah disebut pada *rawi* Abu ‘Amru.
8. Imam Abu Ja’far atau nama sebenarnya adalah Yazid bin al-Qa’qa’ mempunyai dua orang perawi beliau yang masyhur iaitu Ibn Wardan dan Ibn Jammaz.
9. Imam Ya’qub atau nama sebenarnya Abu Muhammad Ya’qub bin Ishaq bin Zaid al-Hadrami. Dua orang perawi beliau yang masyhur ialah Ruways dan Rawh.

10. Imam Khalaf telah disebut pada perawi Hamzah. Dua orang perawi beliau yang masyhur adalah Ishaq dan Idris.

Hikmah dan Faedah Perbezaan Qiraat

Kepelbagaian bacaan atau qiraat menjadi kemudahan kepada ummah kerana ia merupakan pelengkap antara satu sama lain. Antara hikmah perbezaan qiraat (Amani 2007, 43; al-Qattan 1996, 169-170; Sha'ban 2001, 19-22) ialah memudahkan dan meringankan hambaNya membaca kitab Allah, selain berperanan sebagai medium untuk menyatupadukan masyarakat arab yang hidup dalam suasana perkauman atau kabilah. Qiraat juga merupakan tanda keunggulan mukjizat, menepati kehendak maksud, uslub yang komprehensif (ringkas dan padat) dan berfungsi sebagai hujah. Walaupun terdapat pelbagai bacaan ini tidak bererti ia bertembung dan berlawanan maksud. Qiraat juga membantu memudahkan hafazan kerana bacaan yang pelbagai akan membantu untuk memahami maksud ayat dengan lebih cepat. Qiraat juga membantu perbezaan qiraat yang akan memberi ganjaran yang sangat besar kepada individu yang meluahkan masa berusaha memahami ayat-ayat dan mengeluarkan hukum daripada lafaz yang pelbagai. Selain itu, kewujudan qiraat merupakan satu keistimewaan kepada mereka yang bertalaqqi kitab Allah s.w.t. Ia juga berfungsi untuk menerangkan hukum yang disepakati dan mentarjihkan hukum yang mempunyai perselisihan di kalangan ulama. Kewujudan perbezaan qiraat ini boleh menghilangkan kesamaran makna sekiranya makna tersebut tidak dikehendaki selain daripada menerangkan kesahan bahasa dalam ilmu bahasa dan memberi kesan perbezaan kepada sesetengah hukum fiqh.

Implikasi *Qiraat Al-Mutawatirah* dalam Penentuan Hukum

Perbezaan hukum yang diputuskan dalam sesuatu masalah fiqhiyyah adalah berpunca daripada salah satu perbezaan bacaan atau qiraat (al-Ashqar 1999, 41). Rentetan itu, timbul kepelbagaian hukum taklifi dalam penentuan hukum. Hukum taklifi yang dimaksudkan ialah wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Pembahagian ini mengikut perselisihan ulama usul (Abu Zahrah t.th., 28).

Antara ayat munakahat yang ada kaitan dengan perbezaan qiraat yang akan dibincangkan adalah berkaitan dengan jimak, *khulu'*, penyusunan, pemeberian mut'ah atau sagu hati, mewarisi (mengahwini) perempuan, larangan menyakiti dan menyusahkan isteri, tuntutan supaya isteri memelihara kehormatan, larangan kepada isteri mempamerkan perhiasan diri dan yang terakhir ialah tuntutan supaya isteri berada di rumah.

Jimak

Ayat 222 dalam Surah al-Baqarah membincangkan tentang hukum jimak bagi perempuan yang berakhir haid tetapi masih dalam keadaan berhadad besar (Siti Fatimah 2007, 109-113). Ayat tersebut ialah firman Allah s.w.t.:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَى فَأَعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ
وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّى يَطْهُرْنَ

Maksudnya:

Dan mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah: "Darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat". Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci.

(al-Baqarah: 22)

Mengikut bacaan Hamzah, al-Kisaei dan Abu Bakr, mereka membaca dengan *tasydid* pada huruf ط dan ه iaitu يَطْهَرْنَ yang bermaksud Allah s.w.t. melarang suami menyetubuhi isterinya sehingga mereka menyucikan diri dengan mandi hadas. Manakala bacaan selain dari mereka dibaca dengan يَطْهَرْنَ yang bererti larangan menyetubuhi isteri berakhir dengan berakhirnya haid walaupun belum mandi hadas (Abi Zar'ah 2001, 134-135; Ibn al-Jazari 2002, 130; Muhammad Salim 1998, 1: 471; al-Jassas, 2003, 1: 228; al-Qurtubi 1988, 2: 59). Secara kesimpulannya, dua bacaan itu memberi perbezaan hukum daripada dua bacaan iaitu haram menyetubuhi isteri yang suci daripada haid sebelum mandi hadas dan harus menyetubuhi isteri walaupun belum mandi hadas dengan syarat isteri itu telah melalui tempoh paling lama haid menurut mazhab Hanafiyah (Ibn 'Abidin 1994, 1: 489; al-'Aini 2000, 1: 651-652; Siti Fatimah 2007, 109-113).

Khulu'

Dalam bab khulu' terdapat ayat dalam surah al-Baqarah yang mana perbezaan bentuk bacaannya mempunyai implikasi kepada penentuan hukum. Khulu' ialah pencerai antara suami isteri dengan lafaz khulu' atau perkataan yang mempunyai persamaan maknanya dengan gantian yang dibayar oleh isteri kepada suaminya (Uqlah 2002, 3: 187). Ayat tersebut ialah ayat 229, firman Allah s.w.t.:

وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَأْخُذُوا مِمَّا آتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا إِلَّا أَنْ يَخَافَا أَلَّا يُقِيمَا
حُدُودَ اللَّهِ

Maksudnya:

"...Dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu dari apa yang telah kamu berikan kepada mereka (isteri-isteri yang diceraiakan itu) kecuali jika keduanya suami isteri takut tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah".

(al-Baqarah: 229)

Mengikut bacaan Hamzah, Abu Jaafar dan Yaakub dibaca dengan إِلا أَنْ يَخَافَا iaitu huruf *ya* dibaca dengan baris di depan yang bererti kebimbangan selain daripada suami isteri. Manakala bacaan selain daripada mereka dibaca huruf *ya* dengan baris di atas (al-Jazari 2002, 130) iaitu إِلا أَنْ يَخَافَا membawa maksud kecuali suami isteri khawatir atau bimbang tidak dapat melaksanakan peraturan-peraturan Allah s.w.t. dalam menunaikan hak hubungan suami isteri (Abi Zar'ah 2001, 135). Kesan bacaan pertama pada hukum syarak ialah hakim berkuasa sepenuhnya membubarkan hubungan suami isteri pada masalah khulu'.

Manakala bacaan kedua atau mengikut jumhur ialah hak pembubaran dalam masalah ini tidak boleh dilaksanakan oleh hakim tanpa kehendak daripada suami isteri (Ibn Arabi 2003, 1: 263; al-Qurtubi 1988, 2: 91).

Daripada kedua-dua bacaan ini, bacaan kedua digunakan dalam penentuan hukum memandangkan suami akan mengkhulu'kan isterinya setelah tercapai persetujuan atau keredhaan antara mereka berdua. Sekiranya bacaan pertama dijadikan sumber penentuan hukum, ia berlawanan dengan definisi khulu'.

Penyusuan

Qiraat mutawatirah dalam surah al-Baqarah yang menyentuh tentang penyusuan adalah sebagaimana firman Allah s.w.t ayat 233:

لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَلَدِهِ-

Maksudnya:

..janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya.

(al-Baqarah: 233)

Bacaan Ibn Kathir, Abu 'Amru dan Ya'qub pada ayat tersebut dengan baris di depan iaitu لَا تُضَارُّ, manakala bacaan selain daripada mereka dibaca dengan baris di atas iaitu لَا تُضَارَّ, (Abi Zar'ah 2001, 136; Ibn al-Jazari 2002, 130). Bacaan yang pertama bukan memberi erti tegahan semata-mata tetapi memberi makna yang tersirat iaitu tidak wajar bagi isteri yang diceraikan meninggikan kadar bayaran sehingga memudaratkan suami bagi membayar kos penyusuan yang dikenakan kepadanya. Justifikasi larangan ini juga adalah kerana mempunyai implikasi kepada pihak isteri yang menghalangnya dari menerima mut'ah penyusuan sekaligus memberi kesan negatif kepada anak yang disusuinya.

Manakala bacaan kedua dengan baris di atas memberi makna tegahan semata-mata (hukum taklifi) tanpa meneliti makna tersembunyi sebagaimana bacaan pertama (Abi Zar'ah 2001, 136; Al-Habsh 1999, 286-287; al-Qurtubi 1988, 2: 110-111). Kedua-dua bacaan tersebut menunjukkan makna tegahan, namun bacaan pertama sebagai penerangan kepada kehendak hukum syarak dalam ayat tersebut.

Pemberian Mut'ah atau Sagu Hati

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 236 tentang mut'ah merupakan ayat mutawatirah yang mempunyai kesan terhadap hukum syarak. Ayat ini ialah:

وَمَتَّعُوهُنَّ عَلَىٰ التُّوسِيعِ قَدْرَهُ وَعَلَىٰ الْمَقْتِرِ قَدْرَهُ مَتَّعًا بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya:

..hendaklah kamu memberi mut'ah (pemberian sagu hati) kepada mereka (yang diceraikan itu) iaitu suami yang senang (hendaklah memberi sagu hati itu) menurut ukuran kemampuannya; dan suami yang susah pula menurut ukuran kemampuannya”

(al-Baqarah: 236)

Mut'ah ialah harta yang diberikan oleh pihak suami kepada isteri selepas penceraian untuk menggembirakan dan meringankan beban yang dihadapi olehnya akibat penceraian (Uqlah 2002, 2: 256). Imam Abu Ja'far, Hamzah, Kisaei, Khalaf, Ibn Zakuan dan Hafs membaca perkataan **قَدْرُهُ** iaitu huruf *dal* berbaris di atas pada kedua-dua perkataan dalam ayat tersebut, manakala bacaan selain daripada mereka ini dibaca dengan huruf *dal* berbaris mati **قَدْرُهُ** (Abi Zar'ah 2001, 137; Ibn al-Jazari 2002, 130; al-Qurtubi 1988, 2: 134).

Dua bentuk bacaan yang berbeza ini mempunyai perbezaan makna yang membawa kepada perbezaan hukum. Bacaan pertama membawa maksud suami yang mempunyai kelapangan dan kemampuan, maka kadar sagu hati perlu diberi berdasarkan kemampuannya. Manakala bacaan kedua memberi maksud bahawa tuntutan pemberian sagu hati perlu bersesuaian dengan kemampuan suami dan kedudukan akhlak isteri agar pemberian itu mencerminkan komitmennya terhadap syarak (al-Habsh 1999, 288). Dalam menguatkan penghujahan bacaan kedua ini, ia didasari oleh hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari yang bermaksud, Sayyidatina Aisyah r.a. semasa memperingati perempuan-perempuan yang bersukaria dalam majlis perkahwinan dengan berkata, "Nilailah pemberian kepada perempuan hamba pada masa sekarang yang mendengar perkara kealpaan" (as-Syaukani, 2002, 2: 1309, no. 2655).

Secara ringkasnya, kedua-dua gaya bacaan tersebut menuntut pihak suami membayar sagu hati mengikut kemampuannya. Namun bacaan kedua menilai kadar pemberian sagu hati berpandukan kedudukan akhlak isteri.

Mewarisi (Mengahwini) Perempuan

Terdapat bentuk bacaan al-mutawatirah dalam surah an-Nisa' ayat 19 yang menyentuh tentang larangan mengahwini wanita dengan lelaki yang tidak diingini secara paksaan. Firman Allah s.w.t.:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا يَحِلُّ لَكُمْ اَنْ تَرِثُوْا النِّسَاءَ كَرِهًا

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan cara paksaan...

(an-Nisa': 19).

Imam Hamzah dan Kisaei membaca perkataan **كُرْهًا** dengan baris di depan. Manakala bacaan kedua oleh Jumhur dibaca dengan **كُرْهًا** iaitu baris di atas (Abi Zar'ah 2001, 195; al-Qurtubi t.th., 3: 63). Perbezaan ini memberi implikasi kepada hukum syarak. Bacaan pertama bermaksud perbuatan seseorang disebabkan paksaan daripada individu lain yang terdiri daripada kaum kerabatnya. Manakala bacaan kedua dirinya terpaksa atau dipaksa sama ada melalui persekitaran atau suasana (al-Habsh 1999, 289; al-Qurtubi 1988, 3: 63).

Kesan perselisihan tersebut adalah haram bagi para wali mengahwinkan perempuan janda dengan lelaki yang tidak diingini sama ada dibaca dengan bacaan pertama atau kedua. Ini menunjukkan kedua-dua bacaan digunakan dalam penentuan hukum haram mewarisi perempuan.

Larangan Menyakiti dan Menyusahkan Isteri

Dalam surah an-Nisa' ayat 19 membincangkan tentang Islam menegah dan melarang suami daripada mengambil semula pemberian sama ada mahar atau harta-harta lain yang diberikan kepada isteri kecuali dalam situasi yang dijelaskan mengikut perbezaan bacaan pada firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَا آتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحِشَةٍ مُّبِينَةٍ

Maksudnya:

“...dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadaNya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata.

(an-Nisa': 19).

Mengikut qiraat Ibn Kathir dan Abu Bakr perkataan مَبِينَةٍ, huruf *ya* dibaca dengan baris di atas, manakala ulama qurra' yang lain membaca perkataan itu pada huruf *ya* dengan baris di bawah مَبِينَةٍ (Abi Zar'ah 2001, 196; al-Jazari 2002, 138). Dua bentuk bacaan yang dibaca dengan baris di atas menunjukkan *isim maf'ul* yang bererti 'perbuatan keji yang nyata sudah diketahui umum atau memadai dengan orang lain mendedahkan perbuatan keji'. Manakala bacaan dengan baris di bawah bererti *isim fael* iaitu 'menzahirkan perbuatan keji atau perempuan itu sendiri yang mendedahkan perbuatan kejinya' (al-Habsh 1999, 291; Abi Zar'ah 2001, 196; al-Qurtubi 1988, 3: 64).

Implikasi hukum ialah kedua-dua bacaan itu menunjukkan suami harus mengambil semula sebarang bentuk pemberian harta kepada isterinya apabila wujud situasi dalam dua bacaan tersebut iaitu dengan hanya perbuatan keji yang diketahui umum atau dilakukannya sendiri. Kedua-dua bacaan ini diguna pakai dalam memutuskan hukum berkenaan dengan ayat tersebut (al-Qurtubi 1988, 3: 63).

Tuntutan Supaya Isteri Memelihara Kehormatan

Ayat 34 dari surah an-Nisa' mempunyai perbezaan makna mengikut bacaan-bacaan tertentu, ayat tersebut ialah:

فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ

Maksudnya:

...maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya.

(an-Nisa': 34)

Menurut Qiraat Abu Jaafar, حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ lafaz *jalalah* dibaca

dengan nasab iaitu baris di atas berbeza dengan qiraat yang dibaca oleh selain daripadanya (jumhur) dengan *marfu'* iaitu baris di depan *حافظات للغيب بما* حفظ الله (al-Jazari 2002, 138). Kesan daripada dua perbezaan bacaan ini ialah mengikut bacaan dengan *nasab* (baris di atas) bermaksud perempuan solehah disuruh supaya memelihara suruhan dan larangan Allah s.w.t. untuk mendapat keredhaanNya. Bagi merealisasikan hal ini, isteri dituntut supaya melakukan apa yang disuruh oleh suaminya sewaktu ketiadaannya. Manakala bacaan dengan baris di depan memberi erti tuntutan kepada isteri supaya berusaha sedaya upaya memelihara maruah dan harta suaminya semasa ketiadaan suami di sisinya (al-Habsh 1999, 296; al-Qurtubi 1988, 3: 112).

Hasil perbezaan bacaan ini menggambarkan keagungan Pencipta dengan menyuruh wanita muslimah memelihara dirinya sewaktu ketiadaan suaminya. Perkara ini tidak dapat diketahui tanpa wujudnya bentuk-bentuk bacaan ini.

Larangan Kepada Isteri Mempamerkan Perhiasan Diri

Bacaan al-mutawatirah juga terdapat dalam surah an-Nur ayat 31 sebagaimana firmanNya:

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ
بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ
بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ
أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ

Maksudnya:

...dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan...

(an-Nur: 31)

Bacaan Ibn 'Amir, Shu'bah, Abu Bakr dan Abu Ja'far membaca dengan baris di atas *الْإِرْبَةِ غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ* manakala bacaan Jumhur dibaca dengan baris di bawah *غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ* (al-Habsh 1999, 296; Abi Zar'ah 2001, 496; Al-Jazari 2002, 173).

Bacaan yang pertama membawa kepada dua 'irab dan dua maksud. Pertama, perkataan *غَيْرِ* yang di'irab sebagai *al-istithna* memberi maksud "...orang-orang gaji lelaki kecuali yang tidak berkeinginan kepada perempuan...", manakala orang gaji lelaki yang mempunyai keinginan kepada perempuan tertakluk di bawah

hukum yang tidak membenarkan. Kedua, di'irab dengan *hal* yang memberi maksud "...orang-orang gaji lelaki yang keadaan mereka itu tidak berkeinginan kepada perempuan..." Bacaan yang kedua iaitu bacaan jumhur dengan membaca غير berbaris di bawah menjadikan ia di'irab sebagai *sifat* yang memberi maksud "...orang-orang gaji lelaki yang tidak berkeinginan kepada perempuan..."

Allah s.w.t. telah menyatakan dengan jelas orang-orang yang diberi keizinan untuk melihat perhiasan wanita dari kalangan lelaki dan wanita sendiri kecuali satu keadaan iaitu kepada orang gaji lelaki (orang suruhan lelaki). Selain daripada yang disebutkan, adalah diharamkan melihat atau diperlihatkan perhiasan wanita. Bacaan غير menerangkan satu keadaan sahaja iaitu hal keadaan apabila timbul keinginan (seperti kembali pandang) lelaki-lelaki tersebut kepada perempuan. Manakala bacaan baris di bawah memberi maksud yang lebih jelas kerana ia memberi makna kepada semua keadaan selagi mana mereka itu disifatkan sebagai lelaki yang mempunyai keinginan kepada perempuan (al-Qurtubi t.th., 6: 157).

Maka adalah jelas bahawa diharamkan kepada wanita-wanita mempamerkan perhiasan diri kepada selain yang dinyatakan di dalam ayat tersebut termasuk orang-orang gaji lelaki yang mempunyai keinginan atau bangkit syahwatnya terhadap wanita.

Tuntutan Supaya Isteri Berada di Rumah

Dalam Surah al-Ahzab ayat 33, firman Allah s.w.t.:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ

Maksudnya:

Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu...

(al-Ahzab: 33)

Imam Nafi' dan 'Asim membaca ayat ini dengan bacaan وَقَرْنَ iaitu huruf *qaf* dibaca dengan baris di atas yang bermaksud *istiqrar* (menetap). Manakala bacaan jumhur atau selain daripada dua imam tersebut membacanya dengan bacaan *قر* iaitu huruf *qaf* berbaris di bawah yang membawa erti *istiqrar* (menetap) dan *al-Wiqar* (beradab) (Abi Zar'ah 2001, 557; al-Jazari 2002, 181; Muhammad Salim 1998, 1: 497; al-Qurtubi 1988, 7: 116).

Implikasi dari dua bacaan ini terhadap hukum syarak ialah Allah s.w.t. menyuruh isteri-isteri Nabi s.a.w. supaya berada di rumah dengan keadaan tenang dan beradab iaitu menjaga tingkah laku dan maruah mereka. Inilah yang dimaksudkan oleh bacaan jumhur. Bacaan kedua, mereka mesti menetap tanpa keluar dari rumah kecuali dalam beberapa situasi yang sangat penting atau hal-hal keuzuran. Ini ialah menurut bacaan Imam Nafi' dan 'Asim (al-Habsh 1999, 295-296; Abi Zar'ah 2001, 557; al-Qurtubi 1988, 7: 116).

Kesimpulan daripada dua bacaan tersebut ialah tuntutan supaya isteri berada di rumah. Bacaan pertama menekankan larangan keluar dari rumah kecuali dalam situasi yang penting atau darurat. Manakala bacaan kedua menyuruh kepada berkelakuan baik ketika berada di rumah tanpa menyatakan larangan keluar dari rumah. Tuntutan ini menjadi wajib bagi isteri-isteri nabi, manakala bagi perempuan-perempuan lain menjadi sunat mengikut bacaan kedua (al-Habsh 1999, 296).

Kesimpulan

Setelah membincangkan beberapa ayat munakahat menurut perbezaan qiraat mutawatirah, dapat dirumuskan bahawa ayat 222 dalam surah al-Baqarah memberi perbezaan hukum daripada dua bacaan iaitu haram menyetubuhi isteri yang suci dari haid sebelum mandi hadas dan harus jimak walaupun belum mandi hadas sekiranya mereka melalui tempoh paling banyak haid menurut mazhab Hanafiyyah. Perbezaan bacaan tentang khulu' pula memberi hukum bahawa hakim berkuasa sepenuhnya membubarkan hubungan suami isteri pada masalah khulu' mengikut bacaan pertama dan mesti melalui proses persetujuan suami isteri mengikut bacaan kedua. Kajian ini turut menyimpulkan bahawa ayat tentang penyusuan memberi implikasi yang berbeza iaitu bacaan pertama memberi makna yang tersirat, tidak wajar bagi isteri yang diceraikan meninggikan kadar bayaran sehingga memudaratkan suami bagi membayar kos penyusuan yang dikenakan kepadanya. Manakala bacaan kedua memberi makna tegahan semata-mata (hukum taklifi) tanpa melihat kepada makna tersembunyi.

Bagi ayat sugu hati atau mut'ah, kedua-dua bentuk bacaan dalam ayat menuntut agar suami membayar sugu hati mengikut tahap kemampuannya. Namun bacaan kedua menilai kadar pemberian sugu hati berpandukan akhlak isteri. Kedua-dua bacaan dalam ayat mewarisi perempuan pula memberi hukum bahawa haram mengahwinkan janda dengan lelaki yang tidak diinginkannya. Ayat 19 surah an-Nisa' menunjukkan dua situasi iaitu dengan hanya perbuatan keji yang diketahui umum dan dilakukannya sendiri. Kedua-dua bacaan ini digunakan dalam memutuskan hukum berkenaan dengan ayat tersebut. Seterusnya perbezaan bacaan dalam surah an-Nisa' ayat 34 ialah bacaan pertama bermaksud perempuan solehah disuruh supaya memelihara suruhan dan larangan Allah s.w.t. untuk mendapat keredhaanNya. Manakala bacaan dengan baris di depan memberi erti tuntutan kepada isteri supaya berusaha sedaya upaya memelihara maruah dan harta suaminya semasa ketiadaan suami di sisinya. Ayat tentang larangan isteri mempamerkan perhiasan diri kecuali mahramnya, juga bermaksud haram mempamerkan perhiasan itu kepada orang gaji yang mempunyai syahwat kepada wanita. Ayat berkenaan tuntutan supaya isteri berada di rumah memberi dua makna hasil dari perbezaan bacaan iaitu suruhan supaya tinggal di rumah dengan tenang dan beradab manakala makna kedua ialah tidak boleh keluar rumah kecuali dalam situasi yang sangat penting atau hal-hal keuzuran. Suruhan ini menjadi wajib bagi isteri-isteri Nabi adapun sebaliknya bagi selain daripada mereka.

Jelaslah bahawa perbezaan bacaan bukan sahaja memberi kesan pada penentuan hukum, bahkan ia juga merupakan penerangan kepada nas-nas yang sukar difahami secara jelas. Oleh itu, pendedahan tentang makna-makna ayat rentetan daripada perbezaan bacaan atau qiraat perlu dikuasai oleh seluruh pencinta-pencinta ilmu secara umumnya dan para mujtahid secara khususnya. Ia juga sebagai mekanisme penting yang mesti dirujuk dalam memilih dalil penghujahan untuk dijadikan asas pengamalan hukum dalam setiap kehidupan.

Rujukan

- Abd al-Fatah al-Qadi, 1404H, *Al-Budur al-Zahirah*, Madinah: Maktabah al-Dar.
- Abd al-Fatah al-Qadi, 1970, *Tarikh Qurra al-'Ashrah wa Ruwatihim wa Tawatur Qiraatihim wa Manhaj Kull Fi al-Qiraat*, Kaherah: Maktabah wa Matba'ah al-Mashhad al-Husaini.
- Abd al-Fatah al-Qadi 1994, *Tarikh al-Mushaf al-Sharif*, Mesir: Matabi' al-Haiah al-Misriyyah al-'Ammah Li al-Kitab.
- Al-Fadhli, Abd al-Hadi, 1980, *Al-Qiraat al-Quraniyah Tarikh wa Ta'rif*, Lubnan: Dar al-Qalam.
- Abdullah bin Muhammad Basmi, 1998, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Abi Zar'ah, Abd ar-Rahman bin Muhammad bins Zanjalah, 2001, *Hujjah al-Qiraat*, Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Abu Zahrah, t.th., *Usul Al-Feqh*, Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Al-'Aini, Mahmud bin Ahmad bin Musa bin Ahmad bin al-Husin, 2000, *al-Binayah Sharh al-Hidayah*, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ashqar, Umar Sulaiman, 1999, *Masa'el Fi al-Feqh al-Muqaran*, Jordan: Dar al-Nafais.
- Al-Dumyati, Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad bin 'Abd al-Ghani, 1998, *Ithaf Fudala' al-Bashar Fi al-Qiraat al-Arba'ah 'Ashr*, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Fairuz Abadi, Abi Tahir Majd al-Din Muhammad bin Yaakob bin Ibrahim bin Umar al-Shairazi, 2004, *al-Qamus al-Muhit*, Arab Saudi: Bait al-Afkar al-Dauliyyah.
- Al-Jassas, Abi Bakr Ahmad bin Ali al-Razi, 2003, *Ahkam al-Quran*, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qurtubi, Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad, 1988, *al-Jami' Li Ahkam al-Quran*, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zarkashi, Muhammad bin 'Abdullah, 1391H, *al-Burhan Fi 'Ulum al-Quran*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Amani binti Muhammad 'Ashur, 2007, *al-Usul al-Nayyirat Fi al-Qiraat*, al-Riyad: Madar al-Watan Li al-Nashr.
- Al-Sindi, Abd al-Qayyum bin Abd al-Ghafur, 2001, *Sofahat Fi Ulum al-Qiraat*, Mekah: Maktabah al-Imdadiyyah.
- Al-Shaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad, 2002, *Nail al-Autor*, Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn al-Jazari, Shams al-Din Abi al-Khair Muhammad, 1999, *Munjid al-Muqri'in*, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Jazari, Shams al-Din Abi al-Khair Muhammad bin Muhammad bin Ali, 2002, *Taqrib al-Nashr Fi al-Qiraat al-'Ashr*, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin, 1994, *Rad al-Muhtar 'Ala al-Durr al-Mukhtar*, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Habsh, Muhammad, 1999, *al-Qiraat al-Mutawatirah wa Atharuha Fi al-Rasm al-Qurani Wa al-Ahkam al-Shar'iyah*, Syiria: Dar al-Fikr.
- Manna' al-Qattan 1996, *Mabahith Fi Ulum al-Quran*, Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- Mohd Rahim Jusoh, 2001, *Pengenalan Ilmu Qiraat*, Selangor: Mahsuri Timur Sdn. Bhd.
- Muhaisin, Muhammad Salim, 1998, *al-Qiraat wa Atharuha Fi Ulum al-Arabiyyah*, Beirut: Dar al-Jil.
- Muhaisin, Muhammad Salim, 1989, *Irshad al-Talibin Ila Dabt al-Kitab al-Mubin*, Mesir: al-Maktabah al-Azhariyyah Li al-Turath.
- Al-Shatiby, Qasim bin Fayruh, 1996, *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*, Madinah: Maktabah Darul Huda.
- Sha'ban Muhammad Ismail, 2001, *Al-Madkhal Ila 'Ilm al-Qiraat*, Mekah: Maktabah Salim al-'Aziziyah Makkah al-Mukarramah.
- Siti Fatimah Salleh, 2007, *al-A'zar al-Khassah bi al-Nisa' wa Ahkamuha fi al-'Ibadat Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*, Tesis Sarjana, Universiti Mu'tah.
- Uqlah, Muhammad, 2002, *Nizam al-Usrah Fi al-Islam*, Jordan: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.

SITI FATIMAH SALLEH
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.
Emel: sitifatimah@unisza.edu.my